

20 MAY 2001

Mahathir-kuasa

AGIHAN KUASA POLITIK DAN EKONOMI SECARA SEIMBANG

KOTA KINABALU, 20 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan terus berusaha untuk mewujudkan agihan kuasa politik dan ekonomi yang lebih seimbang antara pelbagai kaum di negara ini.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, sehingga keseimbangan itu dapat dicapai, kaum Bumiputera yang memiliki kuasa politik dan bukan Bumiputera yang mempunyai kuasa ekonomi, tidak harus mengambil semua untuk diri dan kaum masing-masing.

"Mungkin agihan kekayaan dan kuasa politik belum seimbang antara kaum tapi usaha itu masih diteruskan dan saya yakin lama-kelamaan agihan kekayaan ekonomi dan kuasa politik ini akan lebih seimbang," katanya pada Perhimpunan Khas Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) di sini hari ini.

Dalam ucapan kira-kira satu jam di hadapan 2,000 orang pada perhimpunan itu, Dr Mahathir berkata antara sebab negara terus kukuh ialah sikap masyarakat yang menghargai perpaduan walaupun mereka berada dalam keadaan yang berbeza pencapaian dalam bidang ekonomi dan politik.

"Walaupun mempunyai kuasa politik, mereka (Bumiputera) tidak merampas hak orang lain hanya kerana mereka ada kuasa. Dalam bidang ekonomi pula, walaupun kaum bukan Bumiputera lebih cekap, tetapi mereka juga sanggup memberi peluang kepada Bumiputera," katanya.

Sebagai contoh, kata Perdana Menteri, walaupun secara teorinya kaum Bumiputera dan Umno boleh mendirikan kerajaan secara bersendirian, tetapi mereka tidak berbuat demikian sebaliknya memilih untuk membentuk kerajaan bersama-sama dengan kaum lain.

"Dengan itu masing-masing berasa lega dan tiada perasaan curiga bahawa kerajaan menindas kaum bukan Bumiputera. Begitu juga dalam ekonomi, kaum bukan Bumiputera tidak menentang Dasar Ekonomi Baru yang diwujudkan untuk membantu Bumiputera," katanya.

Dr Mahathir berkata: "Lebih baik memiliki sebahagian daripada benda yang besar berbanding keseluruhan benda yang kecil, atau lebih buruk lagi, tak memiliki apa langsung."

Dengan semangat tolak ansur, yang menang tidak ambil semua dan yang kalah tidak hilang semua, katanya.

Kerjasama pelbagai kaum yang menjadi tunjang kepada kekuatan kerajaan Barisan Nasional dibuktikan melalui kewujudan parti-parti berasaskan kaum yang berjumlah 13 parti komponen selepas pembubaran Angkatan Keadilan Rakyat hari ini.

Dengan parti-parti ini, BN mendapat kemenangan yang besar melebihi majoriti dua pertiga dalam Dewan Rakyat dan dengan itu ia dapat mewujudkan kerajaan yang kukuh, katanya.

Beliau berkata dengan bilangan parti komponen yang besar, BN akan tetap kukuh walaupun sekiranya ada parti yang menarik diri.

"Kalau Umno yang keluar, memang BN akan jatuh, tetapi Umno juga akan jatuh akhirnya. Oleh itu kita tidak boleh tinggalkan BN walaupun kita parti besar," katanya.

Perdana Menteri juga berkata BN sentiasa berusaha memberi tempat kepada pemimpin parti-parti yang mewakili kaum minoriti.

Sebagai contoh, kata Dr Mahathir, apabila Akar tidak mempunyai sebarang kerusi, BN telah melantik presidennya Datuk Pandikar Amin Mulia sebagai ahli Dewan Negara dan seterusnya selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

"Kita akan cari cara-cara untuk menentukan semua kaum diwakili dalam kerajaan seboleh-bolehnya," katanya.

-- BERNAMA
JS MAI